



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

RANAH BAHASA MASYARAKAT MELAYU SARIBAS DI SARAWAK

REDUAN BIN ABANG AMIR

FBMK 2015 73



RANAH BAHASA MASYARAKAT MELAYU SARIBAS DI SARAWAK

Oleh

REDUAN BIN ABANG AMIR

Tesis Ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti
Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah.

Oktober 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

RANAH BAHASA MASYARAKAT MELAYU SARIBAS DI SARAWAK

Oleh

REDUAN BIN ABANG AMIR

Oktober 2015

Pengerusi: Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Perincian ranah dalam penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak masih terbuka luas untuk dikaji. Hal ini kerana terdapat banyak ranah formal dan tidak formal yang belum dikenal pasti kodnya, sama ada tinggi atau rendah. Teori Perincian Ranah yang telah dikembangkan oleh Fishman sesuai untuk kajian ini. Seramai 400 orang masyarakat Melayu Saribas daripada golongan remaja, dewasa dan warga tua yang bermastautin di pekan Spaoh dipilih sebagai sampel.

Pelaksanaan kajian tinjauan adalah bertujuan untuk mengenal pasti pola pertuturan kod variasi tinggi dalam latar formal, menghuraikan pola pertuturan kod variasi rendah dalam latar tidak formal, mentafsirkan alih kod metaforikal yang berlaku dalam masyarakat, dan memetakan lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak pada masa ini. Alat kajian yang digunakan ialah borang soal selidik, pita rakaman dan nota catatan lapangan. Penghuraian semua data rakaman pertuturan dibuat dalam bentuk transkripsi untuk dianalisis.

Penyelidikan ini menghasilkan beberapa penemuan yang penting dalam konteks masyarakat Melayu Saribas di Sarawak. Pertama, dalam ranah formal dan tidak formal, sampel daripada generasi remaja, dewasa dan warga tua memilih pola pertuturan kod variasi tinggi dan rendah dialek Melayu Saribas. Kedua, mereka cenderung menggunakan alih kod metaforikal dalam ranah tidak formal. Kod variasi tinggi hanya digunakan untuk membincangkan topik formal sewaktu bercakap dengan orang yang tidak memahami dialek Melayu Saribas. Ketiga, pemetaan lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas dijalankan di tujuh buah kampung dalam daerah kecil Spaoh menghasilkan sebanyak lapan ranah, iaitu empat situasi formal dan empat situasi tidak formal. Di semua kampung, dalam ranah situasi tidak formal (keluarga, sahabat, jual beli dan riadah), bahasa yang kerap digunakan ialah dialek Melayu Saribas. Dalam ranah situasi formal (pejabat, klinik, sekolah dan masjid), bahasa Melayu baku digunakan secara berselang-seli dengan dialek

Melayu Saribas. Keempat, hipotesis kajian menyokong objektif 1 dan 2, bahawa dalam ranah formal, dialek Melayu Saribas masih digunakan dengan meluas oleh sampel daripada semua generasi. Dalam ranah tidak formal, kod variasi yang digunakan tidak bergantung kepada generasi penutur. Sebaliknya, kod variasi perbualan lebih bergantung kepada ranah, bukan pada generasi penutur.

Sebagai kesimpulan, dalam ranah formal bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu baku. Sebaliknya, kod variasi dalam latar tidak formal ialah dialek Melayu Saribas. Dalam kedua-dua situasi tersebut lazim berlaku alih kod metaforikal. Pemetaan lingkungan ranah dalam tujuh buah kampung di daerah kecil Spaoh menunjukkan bahawa dialek Melayu Saribas masih dituturkan dengan meluas oleh semua generasi.

BERILMU BERBAKTI

REDUAN BIN ABANG AMIR

GS24415

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE SARIBAS MALAY COMMUNITY LANGUAGE DOMAIN IN SARAWAK

By

REDUAN BIN ABANG AMIR

Oktober 2015

Chairman: Associate Professor Noor Aina Dani, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

Domain specificity in language use by Saribas Malay community of Sarawak is still widely opened for research. This is due to the fact that there are many formal and informal domains in which the code, either high or low has not been identified. Domain specificity theory that has been developed by Fishman is appropriate to this study. A total of 400 Saribas from a group of teenagers, adults and the elderly who resides in Spaoh were chosen as samples.

The implementation of survey aimed to identify the speech patterns of high code variation in a formal setting, the speech patterns of low variation in an informal setting, interpreting the event of metaphorical code switching, and mapping the radius of language domain in Saribas Malay community of Sarawak at present. The instruments used were questionnaire, tape recordings and field notes. Descriptions of all data recordings were generated in the form of transcription for analysis.

The research formed some important findings in the context of the Sarawak Saribas Malay community. First, within the formal and informal domain, samples from generation of teenagers, adults and the elderly preferred the Saribas Malay dialect speech of high and low code variation. Second, they were inclined to use metaphorical code switching within the informal domain. High variation code was used only to discuss the formal topic when talking to people who did not understand Malay Saribas dialect. Third, the mapping of Saribas Malay community language domain radius conducted in seven villages in small district of Spaoh resulted in a total of eight domains, namely four formal and four informal situations. In all the villages, within the domain of informal situations (family, friends, purchasing and recreation), the language used was often the Saribas Malay dialect. In the domain of formal situations (offices, clinics, schools and mosques), standard Malay was used alternately with the Saribas Malay dialect. Fifth, the research hypotheses were proven to support objectives 1 and 2, whereby in formal domains, Saribas Malay dialect was still widely used by samples from all generations. Within the informal domains, the variety code used was not dependent on the generation of

speakers. Instead, the conversation code variety was more dependent on the domains, not on the generation of speakers.

As a conclusion, in the formal domain, the language used by the Saribas Malay community was standard Malay. On the other hand, the variation code in informal setting was the Saribas Malay dialect. In both of these situations, metaphorical code switching normally occurred. The mapping of the language domain radius in 7 villages in small district of Spaoh showed that Saribas Malay dialect was still widely spoken by all generations.

WITH KNOWLEDGE WE SERVE

REDUAN BIN ABANG AMIR

GS24415

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur atas limpahan rahmat, nikmat dan hidayah Allah s.w.t. kerana dengan izin dan kemudahan-Nya, tesis ini telah dapat disiapkan dengan sebaiknya.

Penghasilan tesis ini dapat penyelidik siapkan dengan adanya bantuan dan dukungan pelbagai pihak kepada penyelidik. Oleh sebab itu, sebagai ungkapan rasa hormat yang tulus, penyelidik ingin menyampaikan rasa terima kasih yang sedalamnya khusus buat Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis, yang telah banyak meluangkan masa serta tenaga menyelia penyelidik semasa menjalankan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan beliau mustahil tesis ini dapat disiapkan.

Penyelidik turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zaion Hamzah dan Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis, yang sentiasa memberikan sokongan dan bimbingan yang diperlukan. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih untuk pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang begitu didikasi dalam menyampaikan ilmu yang bermafaat kepada penyelidik.

Selanjutnya, ucapan penghargaan dan terima kasih penyelidik tujukan kepada orang yang telah banyak membantu penyelidik dalam proses pengumpulan data di kawasan kajian, beliau ialah Encik Sandi Bakar dan Encik Amirul Affendi. Tidak lupa juga untuk penduduk Spaoh yang telah memberikan kerjasama serta sudi menjadi sampel untuk kajian ini.

Penyelidik berdoa dan berharap semoga semua pihak yang telah membantu dengan kebaikan dan ketulusan akan mendapat balasan dan menjadi ladang amal di sisi Allah s.w.t. Demikianlah yang dapat penyelidik sampaikan, semoga kajian ini berguna dan bermanfaat khususnya bagi penyelidik, dan umumnya bagi sesiapa sahaja yang membacanya.

Wassalam.

BERILMU BERBAKTI

REDUAN ABANG AMIR

OKTOBER 2015

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 1 Oktober 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Reduan bin Abang Amir bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Ranah Bahasa Masyarakat Melayu Saribas di Sarawak” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti:

Ahmad Mahmood b. Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Che Ibrahim b. Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

(ZULKARNAIN ZAINAL, PhD)

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Januari 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Noor Aina bt Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

(BUJANG BIN KIM HUAT, PhD)

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Parakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012 – 2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Reduan bin Abang Amir GS24415

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB	
I PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Perincian Ranah Bahasa	1
Masyarakat Melayu Saribas	2
Dialek Melayu Saribas	4
Pernyataan Masalah	6
Persoalan Kajian	7
Hipotesis Kajian	8
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
Skop Kajian	10
Definisi Operasional	12
II SOROTAN LITERATUR	
Kajian yang Berkaitan	13
Kesimpulan	24
III METODOLOGI	
Reka Bentuk Kajian	26
Kerangka Teori	26
Kerangka Konsepsi	30
Tempat Kajian	31
Populasi dan Persampelan	34
Kaedah Kajian	35
Pendekatan Kajian	36
Pemboleh Ubah Kajian	37
Alat Kajian	37
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	38
Tatacara Kajian	38
Kajian Rintis	38
Pentadbiran Borang Soal Selidik	39
Kajian Sebenar	40
Penganalisan Data Kajian	41

IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
	Pengenalan	42
	Persembahan Dapatan Kajian	47
	Pola Pertuturan Kod Variasi Tinggi dalam Latar Formal	47
	Pola Pertuturan Kod Variasi Rendah dalam Latar Tidak Formal	66
	Alih Kod Metaforikal yang Berlaku dalam Masyarakat	85
	Lingkungan Ranah Penggunaan Bahasa Rasional Teori dengan Kajian Implikasi Dapatan Kajian	118
	Kesimpulan	132
		133
		134
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Persembahan Dapatan Kajian	136
	Pola Pertuturan Kod Variasi Tinggi dalam Latar Formal	136
	Pola Pertuturan Kod Variasi Rendah dalam Latar Tidak Formal	137
	Alih Kod Metaforikal yang Berlaku dalam Masyarakat	139
	Lingkungan Ranah Penggunaan Bahasa Pembuktian Hipotesis	139
	Kesimpulan	140
	Cadangan untuk Melestarikan Dialek Melayu Saribas	140
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	141
		141
	BIBLIOGRAFI	143
	LAMPIRAN	
	A Borang Soal Selidik	147
	B Analisis Data Soal Selidik Menggunakan SPSS	154
	C Ujian Hipotesis Objektif 1	187
	D Ujian Hipotesis Objektif 2	197
	E Biodata Pembantu Penyelidik	198
	F Kosa Kata Dialek Melayu Saribas di Spaoh	199
	BIODATA PELAJAR	207
	SENARAI PENERBITAN	208

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Model ranah kategori formal	33
2	Model ranah kategori tidak formal	33
3	Jumlah penduduk pelbagai kaum di pekan Spaoh	34
4	Jumlah penduduk Melayu di pekan Spaoh	35
5	Jumlah populasi dan sampel kajian	35
6	Latar belakang responden berdasarkan jantina, umur dan bangsa	43
7	Latar belakang responden berdasarkan tempat lahir dan tempoh menetap di pekan Spaoh	44
8	Latar belakang responden berdasarkan pekerjaan dan tahap pendidikan	45
9	Latar belakang responden berdasarkan bahasa ibunda dan penggunaan bahasa ibunda setiap hari	45
10	Latar belakang responden berdasarkan bahasa pengantar semasa bersekolah atau belajar di IPT dan kebolehan berbahasa	46
11	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam konteks formal (ranah pejabat)	48
12	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam konteks formal (ranah pejabat)	49
13	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam konteks formal (ranah pejabat)	50
14	Penggunaan bahasa generasi tua dalam konteks formal (ranah pejabat)	51
15	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam konteks formal (ranah klinik)	52
16	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam konteks formal (ranah klinik)	53
17	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam konteks formal (ranah klinik)	54
18	Penggunaan bahasa generasi tua dalam konteks formal (ranah klinik)	55
19	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam konteks formal (ranah pendidikan)	57
20	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam konteks formal (ranah pendidikan)	58
21	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam konteks formal (ranah pendidikan)	59
22	Penggunaan bahasa generasi tua dalam konteks formal (ranah pendidikan)	60
23	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam konteks formal (ranah agama)	61

24	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam konteks formal (ranah agama)	62
25	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam konteks formal (ranah agama)	63
26	Penggunaan bahasa generasi tua dalam konteks formal (ranah agama)	64
27	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam kontek tidak formal (ranah keluarga)	67
28	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam kontek tidak formal (ranah keluarga)	68
29	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam kontek tidak formal (ranah keluarga)	69
30	Penggunaan bahasa generasi tua dalam kontek tidak formal (ranah keluarga)	70
31	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam kontek tidak formal (ranah sahabat)	71
32	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam kontek tidak formal (ranah sahabat)	72
33	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam kontek tidak formal (ranah sahabat)	73
34	Penggunaan bahasa generasi tua dalam kontek tidak formal (ranah sahabat)	74
35	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam kontek tidak formal (ranah jual beli)	76
36	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam kontek tidak formal (ranah jual beli)	77
37	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam kontek tidak formal (ranah jual beli)	78
38	Penggunaan bahasa generasi tua dalam kontek tidak formal (ranah jual beli)	79
39	Penggunaan bahasa keseluruhan responden dalam kontek tidak formal (ranah riadah)	80
40	Penggunaan bahasa generasi remaja dalam kontek tidak formal (ranah riadah)	81
41	Penggunaan bahasa generasi dewasa dalam kontek tidak formal (ranah riadah)	82
42	Penggunaan bahasa generasi tua dalam kontek tidak formal (ranah riadah)	83
43	Jumlah ayat digunakan dalam peristiwa pertuturan alih kod metaforikal ranah situasi formal di Spaoh	102
44	Jumlah ayat digunakan dalam peristiwa pertuturan alih kod metaforikal ranah situasi tidak formal di Spaoh	117

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Peta penempatan asal masyarakat Melayu Saribas di Sarawak	3
2	Cabang dialek Melayu Borneo Barat	5
3	Hubungan antara dwibahasa dan diglosia	27
4	Model konsepsi kajian ranah bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak	30
5	Peta kedudukan pekan Spaoh, Sarawak	31
6	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Spaoh	119
7	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Balingan	121
8	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Bungin	123
9	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Serembang	125
10	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Manggut	127
11	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Supa	129
12	Peta lokasi dan lingkungan ranah bahasa kampung Medang	131

SENARAI SINGKATAN

T	-	Bahasa Tinggi
R	-	Bahasa Rendah
F	-	Frekuensi
G1	-	Generasi Pertama
G2	-	Generasi Kedua
G3	-	Generasi Ketiga
BI	-	Bahasa Inggeris
BMB	-	Bahasa Melayu Baku
DMS	-	Dialek Melayu Saribas
DMK	-	Dialek Melayu Kuching
Asean	-	Asia Tenggara
Tabika	-	Taman Bimbingan Kanak-kanak
Kemas	-	Kemajuan Masyarakat
Kg	-	Kampung
YB	-	Yang Berhormat
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
PIBG	-	Persatuan Ibumbapa Guru
KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
PBB	-	Pertubuhan Bangsa Bersatu
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
JPJ	-	Jabatan Pengangkutan Jalan
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
SAO	-	<i>Sarawak Administrative Officer</i>
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SJK	-	Sekolah Jenis Kebangsaan
IPT	-	Institut Pendidikan Tinggi

© COPYRIGHT UPM



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Perincian Ranah Bahasa

Perincian ranah dalam sosiolinguistik telah diperkenalkan oleh Joshua Fishman (1972). Fishman menegaskan bahawa persekitaran yang berlainan memerlukan penggunaan bahasa yang berlainan dalam masyarakat pelbagai bahasa (atau bahasa yang sama dalam masyarakat ekabahasa). Pada satu tahap, ranah ialah persekitaran yang konkrit seperti rumah, jalan, kelas, kedai, universiti, institusi agama, media dan lain-lain seumpamanya. Penetapan penggunaan satu bahasa daripada pelbagai bahasa yang lain bukan hanya terletak pada dimensi fizikal, tetapi merangkumi aktiviti umum, iaitu 'peristiwa' yang lazim berkaitan dengan penetapan. Sebagai contoh, 'rumah ibadat' bermaksud pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan agama. Dalam sesetengah masyarakat ranah sedemikian memerlukan penganut agama beralih kepada bahasa lain, misalnya Arab, Latin, Sanskrit, dan Nasrani kerana ranah agama menggunakan bahasa kuno yang dianggap 'bahasa tinggi' dan bahasa khutbah. Ranah lain yang luas boleh jadi di pejabat, klinik, sekolah, rumah, kedai kopi dan padang permainan, masing-masing mempunyai hubungan dengan bahasa yang berbeza. Dapatlah dikatakan bahawa perkaitan jenis bahasa dengan ranah tertentu berleluasa dalam masyarakat manusia, tetapi tidak semestinya bersifat tetap.

Halliday (1978) telah menunjukkan cara makna berhubung kait dengan jenis situasi. Pada asasnya, wacana mengandungi makna yang dijangka oleh penutur. Jangkaan tersebut ditentukan oleh sesuatu ranah. Ranah tidak hanya menentukan pilihan sesuatu bahasa tetapi juga jangkaan utama daripada pilihan tersebut dan apa makna pilihan tersebut kepada peserta. Menurut Mesthrie (2010), ranah ialah kategori utama yang menentukan jenis situasi. Ranah mempunyai kesan semantik yang meluas. Oleh yang demikian, bahasa ada berbagai-bagai pilihan bentuk tetapi perlu dapat menyampaikan makna yang jelas mengikut konteks situasi.

Penyampaian makna mengikut konteks situasi rasmi dan tidak rasmi mempunyai ragam yang berbeza. Ragam yang pertama ialah ragam bahasa tinggi (T), yang digunakan dalam situasi rasmi, sedangkan yang kedua ialah ragam bahasa rendah (R), yang digunakan dalam situasi tidak rasmi. Ragam bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi (seperti perkuliahan, sidang parlimen dan khutbah di tempat ibadat) dianggap sebagai bahasa yang berprestij tinggi oleh masyarakat bahasa yang berkenaan. Oleh sebab latar belakang sejarah ragam ini yang sudah lama mengenal ragam tulis dan berprestij tinggi, maka ragam inilah yang digunakan sebagai bahasa sastera dalam kalangan pemakainya. Ragam ini mengalami proses pembakuan dan

dipelajari di sekolah, dan tidak semua orang mempunyai peluang untuk mempelajarinya. Sebaliknya ragam bahasa yang digunakan dalam situasi tidak rasmi ialah ragam bahasa yang digunakan sehari-hari di rumah. Ragam ini tidak mengenal ragam tulis dan tidak menjadi sasaran pembakuan bahasa. Fasold (1984) berpendapat bahawa perbezaan ragam tinggi dan ragam rendah tidak hanya berlaku antara dua bahasa atau dua ragam atau dua dialek secara binari, sebaliknya boleh juga berlaku lebih daripada dua bahasa atau dua dialek.

Chaer & Agustina (1995) pernah mengatakan, untuk mengkaji pemilihan bahasa, ia hendaklah dilakukan berdasarkan ranah, yang di dalamnya menunjukkan kecenderungan menggunakan satu variasi tertentu daripada variasi lain. Ranah dilihat sebagai lokasi, topik dan peserta, seperti keluarga, jiran, sahabat, pemerintah, pendidikan, dan sebagainya. Sebagai contoh, jika seseorang penutur berbicara dalam lingkungan keluarga, penutur dikatakan berada dalam ranah keluarga. Analisis ranah biasanya berkait rapat dengan analisis diglosia, sebab ada ranah yang formal dan ranah yang tidak formal (Fishman, 1972).

Berdasarkan huraian di perenggan awal, perincian ranah untuk kajian ini melibatkan penggunaan bahasa yang berlainan oleh masyarakat pelbagai bahasa dalam persekitaran yang konkrit seperti di pejabat, klinik, sekolah, masjid, rumah, tempat awam, kedai dan padang permainan. Penyampaian makna mengikut situasi rasmi menggunakan ragam bahasa tinggi (T), iaitu bahasa Melayu Baku dan bahasa Inggeris. Ragam bahasa rendah (R) dalam masyarakat kajian ialah dialek Melayu Saribas, dialek Melayu Kuching dan bahasa Iban.

Masyarakat Melayu Saribas

Masyarakat Melayu Saribas merupakan penduduk peribumi yang mendiami kawasan Betong, Spaoh, Debak, Pusa, dan Maludam, yang terletak di sepanjang lembangan sungai Saribas di Sarawak. Chong Shin (2006) mengatakan bahawa sungai Saribas berliku-liku, panjangnya kira-kira 110 kilometer dan mengalir dari pedalaman timur Borneo ke laut China Selatan. Terdapat empat anak sungai yang mengalir ke sungai Saribas; sungai Undai, sungai Rimbas, sungai Paku dan sungai Layar. Pada masa dahulu, sungai merupakan laluan perhubungan dan pengangkutan yang utama bagi masyarakat Melayu Saribas kerana kebanyakan kampung Melayu tidak mempunyai perhubungan jalan raya. Orang Melayu kebanyakannya tinggal di bahagian tengah, bahagian hilir dan muara sungai Saribas seperti yang tertera dalam rajah 1 di bawah;



Rajah 1. Peta penempatan asal masyarakat Melayu Saribas di Sarawak (Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2010)

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2010:375) mengatakan bahawa jumlah penduduk di daerah Betong seramai 60,728 orang. Daripada jumlah tersebut, 35,917 orang atau 59 peratus terdiri daripada masyarakat Melayu Saribas. Kebanyakan penduduk Melayu Saribas bekerja sebagai petani dan nelayan. Sebahagiannya pula bekerja sebagai penoreh getah, pembalak, pencari hasil hutan, pengusaha kraftangan, peniaga, pekerja sektor swasta, dan pegawai kerajaan. Dari segi fizikal, orang Melayu Saribas memiliki tubuh badan yang tegap sasa. Keadaan fizikal tersebut berpunca daripada jenis pekerjaan lasak yang mereka lakukan dan pemakanan yang kurang berlemak. Jarang sekali terdapat lelaki Melayu Saribas yang berperut buncit. Kaum wanitanya pula mempunyai fizikal yang kuat, mereka mampu menggalas seguni padi yang berat dan berjalan beberapa kilometer melalui kawasan berbukit (Darulmakmur, 2013b).

Seperti bangsa lain, pendidikan masyarakat Melayu Saribas bermula di rumah. Sebelum memasuki alam persekolahan, anak-anak diajar adat resam seperti menghormati orang tua dan jiran, bertutur sopan dan mengaji Al-Quran. Pendidikan formal bermula pada peringkat taman bimbingan kanak-kanak (Tabika). Setiap kampung disediakan kelas Tabika oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) untuk memudahkan anak-anak prasekolah mempelajari kemahiran asas membaca, mengira, dan menulis. Masyarakat Melayu Saribas menganut agama Islam. Walaupun Islam bertapak kuat di daerah Betong, namun kepercayaan lama masih lagi diamalkan oleh sebilangan kecil masyarakatnya, terutama generasi tua (Rakan Sarawak, 2002). Masyarakat Melayu Saribas juga terkenal dengan aktiviti kebudayaan dan kesenian.

Aktiviti ini diadakan untuk meraikan majlis perkahwinan, dan majlis rasmi kerajaan. Bagi mereka yang mendiami kawasan lembangan sungai, acara lumba perahu merupakan aktiviti sukan air yang paling popular. Acara ini sering diadakan sebagai pesta tahunan di pekan Betong, Spaoh, Debak, Pusa dan Meludam. Permainan tradisional pula popular dalam kalangan kanak-kanak. Antara permainan tradisional yang masih wujud ialah gelanggang, pangkah gasing, dang siot, kaki tiga, sengek pak, bodes, gudi, dan jong (Buletin Rakan Sarawak, 2004).

Noriah Mohamed (1991) pernah mengatakan bahawa bahasa Iban dan dialek Melayu Saribas merupakan bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* di Betong. Bahasa lain yang turut digunakan oleh masyarakat di Betong ialah bahasa Melayu baku, bahasa Inggeris, bahasa Iban, dan dialek Melayu Kuching. Kebolehan masyarakat Melayu Saribas menguasai bahasa Melayu baku dan bahasa Inggeris, kerana kedua-dua bahasa ini dipelajari sejak di bangku sekolah. Selain itu, bahasa Melayu baku juga banyak digunakan dalam media sosial dan urusan rasmi kerajaan. Bahasa Iban pula digunakan oleh masyarakat Melayu Saribas ketika berhubung dan bergaul dengan masyarakat Iban, sama ada sebagai rakan sekerja, sahabat atau jiran tertangga, dan sebahagian daripada keluarga apabila berlakunya perkahwinan campur. Dialek Melayu Kuching digunakan apabila masyarakat Melayu Saribas berkomunikasi dengan masyarakat Melayu di luar lingkungan masyarakat mereka.

Dialek Melayu Saribas


Dialek Melayu Sarawak dituturkan oleh masyarakat Melayu dan juga masyarakat peribumi yang lain di Sarawak. Dialek Melayu Sarawak mempunyai tiga variasi utama, iaitu dialek Melayu Kuching, dialek Melayu Rejang dan dialek Melayu Saribas. Dialek Melayu Kuching merupakan dialek asas dalam dialek Melayu Sarawak dan memperlihatkan hubungan linguistik yang erat dengan dialek Melayu Rejang. Hal ini berbeza dengan dialek Melayu Saribas yang menunjukkan perkembangan tanpa pengaruh kuat daripada dialek Melayu Sarawak yang lain akibat keterpisahan geografi serta faktor sejarah. Dengan perkataan lain, variasi dialek Melayu Saribas menunjukkan identiti tersendiri kerana mengekalkan bentuk aslinya. Oleh sebab itu, dialek Melayu Saribas mempunyai perbezaan ketara berbanding dengan dua subdialek dalam dialek Melayu Sarawak. Dialek Melayu Saribas merupakan dialek Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Saribas di bahagian Betong, Sarawak. (Noor Azureen Hamid dan Tajul Aripin Kassin, 2013).

Hamidah Abdul Wahab (2008), mengatakan bahawa masyarakat Melayu Saribas di daerah Betong secara keseluruhannya menuturkan dialek Melayu yang berbeza penyebutan leksikalnya berbanding dengan masyarakat Melayu Sarawak di daerah Kuching. Perbezaan ini adalah berkemungkinan berpunca daripada sejarah perkembangannya, penuturnya, pengaruh bahasa setempat, faktor politik dan geografi. Kelompok Melayu Saribas pada dasarnya membentuk identiti bahasa yang tersendiri, mengikut keadaan persekitaran

mereka. Fenomena ini tidak asing bagi kebanyakan masyarakat peribumi di Sarawak, termasuk masyarakat Melayu yang mendiami kawasan lembangan sungai Saribas, kerana faktor alam semula jadi banyak mempengaruhi corak penempatan dan kebudayaan mereka. Disebabkan masyarakat ini tinggal di kawasan yang berbeza, maka mereka cenderung mengamalkan kebudayaan dan menutur bahasa yang tersendiri, berbeza dengan kaum lain. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas turut dipengaruhi oleh bahasa Iban kerana terdapat ramai penduduk di bahagian Betong yang terdiri daripada kaum Iban.

Collins, J.T. (2000), menegaskan bahawa kelainan Melayu di sungai Saribas dan sungai Rejang terdapat perbezaan yang besar antara dialek kedua-dua daerah ini dengan dialek Melayu di sungai Sarawak. Kelainan Melayu di sungai Saribas dapat berkembang tanpa pengaruh kuat daripada kelainan Melayu lain kerana keterpisahan geografi dan sejarah perangnya. Di sungai Saribas, terdapat banyak kata dan istilah bahasa Iban, manakala di sungai Rajang terdapat pengaruh bahasa Iban dan Melanau. Kebanyakan penutur dialek Sarawak yang lain tidak memahami percakapan orang Melayu Saribas. Jumlah penutur yang semakin ramai dalam sesuatu perbualan menyukarkan penutur dialek Sarawak yang lain untuk memahaminya. Satu perkara yang unik tentang dialek Melayu Saribas ialah terdapatnya beberapa subdialek disebabkan perbezaan geografi. Sebagai contoh, dialek Melayu Saribas di Beladin berbeza daripada sebutan, nada dan intonasi jika dibandingkan dengan subdialek di kawasan Saribas yang lain, seperti di Spaoh, Betong, Debak dan Maludam (Darulmakmur, 2013a).

Dialek Melayu Saribas ialah dialek turunan daripada bahasa induk, iaitu cabang bahasa Melayu Borneo Barat hasil pemecahan bahasa tersebut dalam proses perkembangannya pada Rajah 2.



Rajah 2: Cabang dialek Melayu Borneo Barat
(Sumber: Chong Shin, 2004:208)

Pernyataan Masalah

Kajian tentang ranah bahasa masyarakat Melayu Saribas di Spaoh, belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik seperti Collins, J.T. (2000), Hamidah Abdul Wahad (2008), Noor Azureen Hamid dan Tajul Aripin Kassin (2013) ialah tentang dialek Melayu Saribas, yang memberi tumpuan kepada aspek fonologi, morfologi dan leksikal, bukannya ranah bahasa. Kajian seumpama ini hanya ditemukan melalui kajian Noriah Mohamed pada 1991 tentang pola penggunaan bahasa dalam komuniti Melayu dan Iban di Betong yang merupakan satu kajian etnososiolinguistik. Sebaliknya, kajian beliau hanya memfokuskan kawasan pekan Betong. Kaedah yang digunakan pula ialah pemerhatian dan temu bual di lapangan. Oleh yang demikian, penyelidik merasakan perlunya kajian serupa dilakukan di kawasan Saribas yang lain seperti di pekan Spaoh. Untuk menentukan pola pertuturan kod variasi tinggi dalam latar formal, kod variasi rendah dalam latar tidak formal, alih kod metaforikal, dan pemetaan lingkungan ranah di Spaoh, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik yang melibatkan jumlah responden yang lebih besar. Ketiadaan kajian lampau yang memberi tumpuan khusus kepada alih kod metaforikal dan pemetaan lingkungan ranah di Saribas, telah mendorong penyelidik untuk melakukan penyelidikan di Spaoh.

Norah Mohamed (1991), menegaskan bahawa pola penggunaan bahasa di Betong tidak begitu ketara. Dengan kata lain, corak pemilihan yang benar-benar teratur tidak dapat ditentukan dengan tepat. Misalnya dalam latar formal seperti dalam ranah pendidikan. Walaupun dasar bahasa kebangsaan menentukan penggunaan bahasa Melayu baku, sebaliknya bahasa Iban dan dialek Melayu Saribas masih digunakan secara meluas dalam komunikasi antara guru dengan murid. Berdasarkan pemerhatian penyelidik di Spaoh, perkara yang sama turut berlaku dalam ranah pejabat dan ranah klinik. Bahasa Iban dan dialek Melayu Saribas masih lagi digunakan secara meluas dalam komunikasi antara pegawai kerajaan dengan masyarakat tempatan, terutamanya generasi dewasa dan warga tua. Penggunaan bahasa dalam latar tidak formal di Spaoh juga agak sukar untuk ditentukan dengan tepat. Salah seorang penduduk di pekan Spaoh yang ditemu bual oleh penyelidik mengatakan bahawa, bahasa yang kerap digunakan dalam latar tidak format ialah dialek Melayu Saribas. Bahasa lain yang turut digunakan dalam latar tidak formal ialah bahasa Melayu baku, dialek Melayu Kuching dan bahasa Iban, kekerapan penggunaannya secara jarang-jarang dan sekali-sekala. Berdasarkan pemerhatian penyelidik secara rambang dalam ranah jual beli seperti di pasar raya dan kedai makan, bahasa Melayu baku turut digunakan dalam pertuturan antara peniaga dengan penduduk tempatan. Begitu juga dalam ranah riadah, masyarakat Melayu Saribas didapati berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dengan pelancong daripada luar negara, dan bahasa Melayu baku dengan orang yang tidak dikenali.

Masyarakat Melayu Saribas di Spaoh tinggal dan hidup berdampingan dengan masyarakat pelbagai kaum yang mempunyai bahasa ibunda masing-masing. Oleh sebab itu, mereka perlu mematuhi penggunaan bahasa mengikut ranah

situasi sosial yang wujud dalam masyarakat. Permasalahan ini menyebabkan masyarakat Melayu Saribas terpaksa memilih bahasa yang sesuai digunakan untuk berkomunikasi dengan orang yang berada di sekeliling mereka. Selain itu, penggunaan bahasa yang sesuai juga harus mengambil kira faktor tertentu seperti; siapa yang bercakap, kepada siapa, tentang topik apa, dan di mana peristiwa percakapan itu berlaku. Faktor seperti status sosial dan keakraban juga perlu diberikan perhatian, kerana sekiranya penggunaan bahasa seseorang itu tidak tepat, ia boleh mewujudkan gangguan dan ketegangan dalam komunikasi. Segala permasalahan ini menuntut penelitian yang lebih mendalam, supaya permasalahan tentang penggunaan bahasa mengikut ranah situasi sosial yang berlaku dapat dijelaskan secara rinci.

Asmah Haji Omar (2008) mengatakan, alih kod bermakna pertuturan yang dihasilkan oleh seseorang yang mempunyai satu bahasa asas, tetapi di sana sini terdapat ayat atau serentetan ayat yang lengkap daripada bahasa lain. Alih kod merupakan suatu gejala yang menonjol dalam konteks perbualan sosial dan sangat meluas penggunaannya, sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Dalam era globalisasi ini, masyarakat mudah terdedah dengan perubahan bahasa akibat daripada pengaruh bahasa kebangsaan dan bahasa antarabangsa. Selain itu, faktor seperti pendidikan, pengaruh persekitaran dan perubahan topik perbualan juga merupakan penyebab utama berlakunya peristiwa alih kod. Sungguhpun alih kod ini ada gunanya, tetapi penggunaan yang berlebihan dalam perbualan boleh membawa kesan negatif, iaitu mewujudkan bahasa rojak dalam masyarakat.

Berdasarkan pengamatan awal, pengkaji mendapati bahawa alih kod metaforikal yang berlaku dalam masyarakat Melayu Saribas di Spaoh kebanyakannya ialah alih kod metaforikal yang berlaku disebabkan topik perbualan, kehadiran pihak ketiga dan pengaruh bahasa ibunda mereka. Sekiranya mereka bertutur dalam bahasa Melayu baku di pejabat, mereka mudah beralih kod ke bahasa ibunda mereka. Alih kod ini banyak bergantung pada situasi pertuturan, misalnya, dengan siapa mereka bercakap, topik apa yang dibualkan dan di mana mereka bercakap. Akibat daripada alih kod metaforikal ini adalah dikhuatiri penggunaan leksikal dialek Melayu Saribas semakin terhakis. Ini kerana generasi muda yang berpendidikan lebih gemar menggunakan leksikal daripada bahasa Melayu baku dan bahasa Inggeris yang dianggap lebih berprestij dan mudah difahami oleh masyarakat umum berbanding dengan leksikal dialek Melayu Saribas. Kesan daripada fenomena ini boleh menyebabkan leksikal dialek Melayu Saribas menjadi semakin kurang digunakan dan akhirnya boleh menjejaskan keaslian dialek Melayu Saribas di Sarawak.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut;

1. Apakah corak pertuturan masyarakat Melayu Saribas apabila mereka menggunakan satu kod dalam latar formal ?

2. Apakah corak pertuturan masyarakat Melayu Saribas apabila mereka menggunakan satu kod dalam latar tidak formal ?
3. Apakah idea tentang alih kod metaforikal yang termasuk dalam perincian ranah ?
4. Adakah lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas pada masa ini membesar atau mengecil ?

Hipotesis Kajian

1. Hipotesis Alternatif: Dalam ranah formal, dialek Melayu Saribas masih digunakan dengan meluas oleh responden.
Hipotesis Nol: Dalam ranah formal, dialek Melayu Saribas sudah tidak digunakan lagi oleh responden.
2. Hipotesis Alternatif: Dalam ranah tidak formal bahasa komunikasi yang digunakan bergantung pada peserta perbualan.
Hipotesis Nol: Dalam ranah tidak formal bahasa komunikasi yang digunakan tidak bergantung pada peserta perbualan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk ;

1. mengenal pasti pola pertuturan kod variasi tinggi masyarakat Melayu Saribas di Sarawak dalam latar formal.
2. menghuraikan pola pertuturan kod variasi rendah masyarakat Melayu Saribas di Sarawak dalam latar tidak formal.
3. mentafsirkan alih kod metaforikal yang berlaku dalam masyarakat Melayu Saribas di Sarawak.
4. memetakan lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak pada masa ini.

Kepentingan Kajian

Sa'adiah Ma'alip (2012) pernah menegaskan bahawa pemilihan bahasa merupakan perkara yang perlu diperhatikan dalam sesebuah masyarakat kerana ia mempunyai peranan yang penting terhadap faktor sosial dan juga fungsi sesuatu bahasa. Pemilihan sesuatu bahasa juga dapat membentuk identiti dan pemeraksanaan masyarakat, malah memberikan kesan terhadap pembangunan dan status sesuatu bahasa. Oleh yang demikian, kajian tentang pola penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak dalam latar formal perlu dilakukan. Melalui kajian ini dapatlah diketahui sejauh mana bahasa Melayu baku digunakan oleh masyarakat Melayu Saribas di Spaoh dalam ranah tertentu seperti ranah pejabat, ranah klinik, ranah pendidikan, dan ranah agama. Selain itu, kita juga dapat mengenal pasti bahasa yang menjadi pilihan generasi remaja, generasi dewasa dan warga tua dalam latar formal di Spaoh.

Kajian berkaitan penggunaan bahasa dalam masyarakat diglosia perlu dilakukan untuk mengetahui sama ada berlakunya penyerapan bahasa masyarakat minoriti ke dalam bahasa masyarakat yang lebih besar dan dominan atau tidak. Pada zaman globalisasi ini, keghairahan untuk menggunakan bahasa yang dominan dan bahasa yang lebih berprestij boleh menyebabkan kita lupa terhadap kepentingan bahasa dan dialek minoriti yang terdapat di Malaysia (Nor Hisham Osman, 1999). Menyedari akan hal ini, penyelidik cuba menghuraikan pola pertuturan masyarakat Melayu Saribas dalam latar tidak formal untuk melihat sama ada dialek Melayu Saribas dapat bertahan dan terus bersaing atau tidak dengan bahasa yang lebih dominan seperti bahasa Melayu baku, bahasa Inggeris, bahasa Iban, dan dialek Melayu Kuching. Dengan adanya maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian ini, ia diharap dapat mengukur tahap kesetiaan masyarakat Melayu Saribas di Spaoh terhadap bahasa ibunda mereka.

Mohamed Azlan Mis (2011a) pernah menegaskan bahawa ranah ialah sesuatu yang sangat penting dan sesuai digunakan dalam penelitian pilihan bahasa. Ranah boleh dikaitkan dengan situasi, perhubungan dan peranan, tingkah laku penutur serta kejadian bertutur yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti latar, peserta dan topik. Secara lebih mendalam, ranah merupakan penggunaan pelbagai bahasa dalam konteks sosial atau latar yang bergantung pada fungsi dan topik perbincangan dalam sesebuah masyarakat. Menyedari kepentingan ini, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian tentang alih kod metaforikal mengikut ranah situasi sosial di Spaoh adalah wajar dilakukan. Dengan adanya kajian ini dapatlah diketahui faktor yang menyebabkan berlakunya alih kod metaforikal, dan sejauh mana ia berlaku dalam masyarakat Melayu Saribas di Spaoh. Selain itu, pentafsiran alih kod metaforikal ke dalam ayat bahasa Melayu baku dapat dijadikan sebagai panduan kepada pembaca untuk memahami serba sedikit tentang dialek Melayu Saribas di Sarawak.

Berdasarkan pemerhatian ke atas kajian lepas, penyelidik mendapati bahawa kajian tentang pemetaan lingkungan ranah penggunaan bahasa dalam masyarakat khususnya di kawasan pedalaman Sarawak masih belum banyak diterokai dan diberikan perhatian. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa kajian tentang pemetaan lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak perlu dilakukan. Dengan adanya kajian ini, dapatlah diketahui secara lebih rinci tentang lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Spaoh pada masa ini. Peta ranah ini juga dianggap penting untuk dijadikan panduan komunikasi kepada sesiapa yang ingin berkunjung ke daerah kecil Spaoh di Sarawak.

Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada keluasan ilmu pengetahuan tentang sosiolinguistik untuk dikaitkan dengan penggunaan bahasa dalam komunikasi. Sebagai ahli masyarakat adalah wajar bagi seseorang untuk membudayakan sosiolinguistik dalam konteks penggunaan bahasa atau kod. Faktor manusia menggunakan bahasa atau kod dalam kehidupan seharian dan perkaitannya dengan teori yang dominan dalam sosiolinguistik perlu diasaskan secara kukuh untuk mudah diaplikasikan dalam komunikasi.

Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji pola pertuturan kod variasi tinggi dalam latar formal, pola pertuturan kod variasi rendah dalam latar tidak formal, alih kod metaforikal yang berlaku dalam masyarakat, dan lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak pada masa ini. Kajian ini melibatkan tiga generasi masyarakat Melayu Saribas, iaitu generasi remaja berumur 13 hingga 25 tahun, generasi dewasa berumur 26 tahun hingga 59 tahun, dan warga tua berumur 60 dan ke atas. Ketiga-tiga golongan ini dipilih sebagai populasi kerana pada anggapan penyelidik mereka boleh berkomunikasi dengan baik dalam masyarakat. Kanak-kanak dan bayi pula tidak dipilih sebagai populasi kajian, kerana mereka belum lagi menguasai bahasa dan tahap komunikasi mereka dalam masyarakat tidak meluas. Lokasi kajian ialah di pekan Spaoh dalam daerah Saribas. Pekan Spaoh dipilih kerana pekan ini terletak di tengah kawasan Saribas dan terdapat banyak perkampungan Melayu. Jumlah penduduk Melayu di pekan Spaoh ialah sebanyak 2,700 orang. Seramai 400 orang atau 20 peratus daripada populasi telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Mereka terdiri daripada 160 orang remaja, 180 orang dewasa, dan 60 orang warga tua. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini berdasarkan pengiraan Krejcie Morgan, 1970 (dlm. Chua Yan Piaw, 2006:185) mengatakan bahawa 384 sampel boleh mewakili 100,000 orang populasi. Ini bermakna 400 sampel yang dipilih secara rawak oleh penyelidik dianggap boleh mewakili 2,700 orang penduduk Melayu Saribas pekan Spaoh.

Untuk menjawab segala persoalan dalam objektif pertama dan kedua, pengkaji menggunakan lapan ranah pilihan bahasa. Ranah tersebut ialah ranah pejabat, ranah klinik, ranah pendidikan, ranah agama, ranah keluarga,

ranah sahabat, ranah jual beli, dan ranah riadah. Ranah pejabat meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan pejabat kerajaan dan pejabat swasta. Topik perbualan berkaitan dengan urusan rasmi pejabat, kerajaan dan politik. Ranah klinik meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan klinik dan hospital. Topik perbualan berkaitan perubatan, kesihatan dan penyakit. Ranah pendidikan meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan sekolah dan pejabat pendidikan. Topik perbualan berkaitan sekolah dan pendidikan. Ranah agama meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan masjid, surau dan pejabat agama. Topik perbualan berkaitan aktiviti keagamaan dan ibadat dalam Islam. Ranah keluarga meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan rumah tangga dan tempat awam. Topik perbualan berkaitan rumah tangga, kekeluargaan, jiran bertangga, adat dan kebudayaan. Ranah sahabat meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan tempat awam. Topik perbualan ialah topik peribadi dan topik umum. Ranah jual beli meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan kedai, pasar dan pusat penjaja. Topik perbualan berkaitan urusan jual beli, perniagaan dan pemasaran. Ranah riadah meliputi penggunaan bahasa dalam lingkungan tempat beriadah seperti padang permainan, taman rekreasi, dan pusat sukan. Topik perbualan berkaitan aktiviti riadah, sukan dan rekreasi. Pemilihan ranah dan situasi pertuturan dalam penyelidikan ini berdasarkan definisi Fishman (1972), yang mengaitkan ranah dengan situasi perhubungan dan peranan, tingkah laku serta kegiatan bertutur yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti latar, peserta dan topik.

Untuk menjawab persoalan dalam objektif yang ketiga pengkaji menggunakan data yang diperoleh daripada rakaman pertuturan ke atas perbualan masyarakat Melayu Saribas di Spaoh yang mempunyai unsur alih kod metaforikal, iaitu alih kod yang melibatkan dialek Melayu Saribas, bahasa Melayu baku, bahasa Iban, dan bahasa Inggeris. Kesemua alih kod metaforikal yang ditemukan di lapangan ditafsirkan ke dalam ayat bahasa Melayu baku supaya mudah difahami oleh pembaca. Untuk menjawab persoalan dalam objektif yang keempat pengkaji menggunakan data yang diperoleh melalui pemerhatian ikut serta dan temu bual tidak berstruktur yang dilakukan oleh penyelidik di lapangan. Sebanyak tujuh kampung dipilih untuk tujuan pemetaan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Spaoh. Kampung yang terlibat ialah Kampung Spaoh, Kampung Balingan, Kampung Bungin, Kampung Serembang, Kampung Manggut, Kampung Supa, dan Kampung Medang. Pemilihan kampung ini dibuat kerana perkampungan ini terletak dalam kawasan pentadbiran daerah kecil Spaoh dan majoriti penduduknya ialah bangsa Melayu. Kajian ranah bahasa masyarakat Melayu Saribas di Spaoh ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Sungguhpun kajian ini menggunakan bilangan sampel yang kecil, tetapi ia boleh dijadikan sebagai pertunjuk tentang ranah bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak secara umum.

Definisi Operasional

Perincian Ranah

Perincian ranah dalam kajian ini bermaksud penelitian tuntas pola pertuturan kod variasi tinggi dalam latar formal, pola pertuturan kod variasi rendah dalam latar tidak formal, alih kod metaforikal yang berlaku dalam masyarakat, dan lingkungan ranah penggunaan bahasa masyarakat Melayu Saribas di Sarawak pada masa ini.

Penggunaan Bahasa Masyarakat Melayu Saribas di Sarawak

Dialek Melayu Saribas merupakan bahasa ibunda yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Saribas, khususnya mereka yang mendiami daerah Betong, Spaoh, Debak dan Maludam di Sarawak. Masyarakat Melayu Saribas juga boleh bertutur dalam bahasa Melayu baku (bahasa kebangsaan), dialek Melayu Kuching (bahasa Melayu Sarawak), bahasa Iban (lingua franca di bahagian Betong), dan bahasa Inggeris (bahasa antara bangsa). Berdasarkan pengamatan awal pengkaji, penggunaan bahasa atau dialek tersebut bergantung pada situasi berlangsungnya sesuatu perbualan seperti tempat, topik dan peserta terlibat dalam peristiwa perbualan. Bahasa Melayu baku biasanya digunakan di pejabat, klinik, sekolah dan masjid untuk membincangkan topik rasmi. Selain itu, bahasa Melayu baku juga digunakan dalam majlis rasmi dan ketika berkomunikasi dengan mereka yang berasal dari Semenanjung Malaysia, Sabah, Brunei dan Indonesia. Dialek Melayu Kuching digunakan ketika bertutur dengan orang Melayu yang bukan daripada masyarakat Melayu Saribas. Bahasa Iban sering digunakan oleh masyarakat Melayu Saribas ketika bertutur dengan masyarakat Iban tempatan. Bahasa Inggeris kadang-kadang digunakan semasa berkomunikasi di pejabat, sekolah dan juga dengan pelancong luar negara. Pada pandangan kasar, masyarakat Melayu Saribas di Spaoh ialah masyarakat dwibahasa. Kebanyakan mereka boleh memahami dan bertutur dalam sekurang-kurangnya dua bahasa, iaitu bahasa ibunda, bahasa kebangsaan, dan bahasa Iban.

BIBLIOGRAFI

- Akta Umur Dewasa 1971 (2006). Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Asmah Haji Omar (1991). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008a). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008b). *Susur galur bahasa Melayu edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2010). *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Negara, Malaysia.
- Buletin Rakan Sarawak, Februari 2004, V.01/04.
- Buletin Rakan Sarawak, Februari 2002, V.02/02.
- Chaer, A & Agustina L. (1995). *Sosiolinguistik Pekenalan Awal*. Jakarta : Rineka Cipta.
- Chong Shin (2007). Masyarakat Tionghoa Kalimantan Barat: Tinjauan Pemilihan Bahasa di Kota Sekadau. *Jurnal Linguistik Indonesia*, Tahun Ke 25, No.1, Februari, 2007: 19-33.
- Chong Shin (2006). "Bahasa Iban dan Dialek Melayu Saribas, Sarawak" dlm. *The Sarawak Museum Journal*, Vol. LXII. No. 83 (New Series) December 2006, hlm. 85 – 106.
- Chong Shin (2004). "Laporan Kajian Lapangan di Pulau Borneo: Dialek Melayu Sekadau" dlm. *Jurnal Bahasa*, 2004. Jun, hlm. 205-224.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education
- Collins J.T. (2000). "Kepelbagaian Dialek Melayu Sarawak: Tinjauan Di Sungai Saribas dan di Sungai Rajang" dlm. *Dewan Bahasa*, Vol.44, hlm. 2-17.
- Darulmakmur (2013a). Dialek Melayu Saribas, <http://darulmakmur.tripod.com/bahasa.htm>. (diakses pada 16 Februari, 2013).

- Darulmakmur (2013b). Latar Belakang Masyarakat Melayu Saribas, Beladin <http://darulmakmur.tripod.com/latarbelakang.htm>. (diakses pada 16 Febuari, 2013).
- Diana Mayasari (2013). Alih Kod dan Campur Kod dalam Kajian Sociolinguistik. <http://www.dianamayasarikanasa.blogspot.com> (diakses pada 28 Julai 2015).
- Fasold, Raiph (1984). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.
- Fathur Rokhman (2003). *Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Dwibahasa : Kajian Sociolinguistik di Banyumas*. Disertasi. Jogjakarta: Universitas Gadjah Mada.
- Ferguson, C. (1964). "Diglossia" dlm. D. Hymes (ed.). *Language In Culture and Society*. New York: Harper and Row, hlm. 429-437.
- Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi Bahasa: Satu Pendekatan Sains Kemasyarakatan antara Disiplin Terhadap Bahasa dalam Masyarakat*. Diterjemahkan oleh Alias Mohd. Yatim. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J.A. (1972). Domains and The Relationship Between Micro-Sociolinguistics. In Gumperz, J.J. and Hymes, D (eds.) *Directions In Sociolinguistics: The Ethnograph of Communicationn* (pp.435-453). Oxford : Basil Blackwell.
- Fishman, J.A. (1967). "Bilingualism With and Without Diglossia, Diglossia With and Without Bilingualism", *Journal of Social Issues* 32, 1967: 29-38.
- Halliday, M.A.K. (1978). *Language as a Social Semiotic: The Social Interpretation of Language and Meaning*. London: Edward Arnold.
- Hamidah Abdul Wahab (2008). " Etnolinguistik Komuniti Melayu Saribas, Sarawak" dlm. *Jurnal Bahasa*, Jilid 8. Bil.2. 2008, hlm. 220-241.
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (2010). Peta Negeri Sarawak, Bahagian Betong, Daerah Betong.
- Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Betong. <http://www.betongdo.sarawak.gov.my/modules/web/page> (diakses pada 12/2/2011)
- Mesthrie, R. (2010). Sociolinguistics in South Africa : A Critical Overview of Current Research. In Martin J. Ball.(ed.) *The Routledge Handbook of Sociolinguistics Around the World* (pp.187-202). Madison Avenue, New York : Routledge.
- Likert, R. (1932). A Technique for the Measurement of Attitudes. Dlm. *Archires of Psychology*.

- Mohammed Azlan Mis (2011a). *Analisis Pilihan Bahasa Sebagai Lingua Franca di Sarawak*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya..
- Mohammed Azlan Mis (2011b). "Pilihan Bahasa oleh Suku Kaum Melanau di Negeri Sarawak" dlm. *Jurnal Linguistik*, Jilid 14, Disember 2011.
- Mohammed Azlan Mis (2010). "Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Pilihan Bahasa" dlm. *GEMA Online Journal of languages studies*, volume 10(2) 2010, hlm 97 – 116.
- Muhd Ismail Mustari (2004). *Menjadi Belia cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Noor Azureen Hamid dan Tajul Aripin Kassin (2013). Analisis Fonologi Autosegmental dalam Proses Penyebaran Fitur Geluncuran Dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa*, Jilid 13, Bil.2. Disember 2013.
- Norazuna Norahim (2010). *Pilihan Bahasa Siswazah Bidayuh di Bahagian Kuching – Samarahan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim dan Hamdan Ariffin (1992). *Laporan Kajian Sociolinguistik Penggunaan, Penguasaan, dan Pelaksanaan Bahasa Malaysia Baku di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri/Persekutuan, Badan-Badan Berkanun/Swasta dan Kuasa-Kuasa Tempatan Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Nor Hisham Osman (1999). *Pemeliharaan dan Penyisihan Bahasa : Kajian Kes Terhadap Komuniti Rajang-Tanjung*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Nor Hisham Osman (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap,Seberang Perak*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed dan Mariam Abd. Karim (2005). "Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain' dlm. *Jurnal Bahasa*, Jilid 5.Bil.1.2005. hlm.1-47.
- Noriah Mohamed (2003). *Beberapa Topik Asas Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Noriah Mohamad (1991). *Penggunaan Bahasa dalam Komuniti Melayu Iban di Betong, Sarawak: Satu Kajian Etnososialinguistik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Parasher, S.N. (1980). " Mother – Tangle English Diglossia: A Case Study of Educated Indian Bilinguals Language Use" , dlm. *Antropological Linguistics*, 22(4), hlm.151-168.

Patriantoro, Sumarlam, dan Inyo Yos Fernandez. (2012). Dialektologi Bahasa Melayu di Pesisir Kabupaten Bengkayang. *Kajian Linguistik dan Sastra*. Vol.24 (1): 101-112.

Pejabat Daerah Kecil Spaoh, Sarawak (2011). Profail Kampung Spaoh.

Roksana Bibi Abdullah (2002). *Pemilihan dan Penyisihan Bahasa di Kalangan Masyarakat Melayu di Singapura*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya

Sa'adiah Ma'alip (2012). " Pemilihan Bahasa dan Indentiti Etnik dalam Masyarakat Dwibahasa : Masyarakat Banjar di Banjar Masin " dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal dan Harishon Radzi (2012). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Bersaskan Korpus*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. (terj.). Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Spolsky, Berhard (1998). *Sociolinguistics*. Berlin Oxford: University Press.

Suriah Abdul Rahman dan Tengku Aizah Hamid (2003). *Pemakanan Warga Tua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wikipedia, 2011. Remaja.
<http://ms.wikipedia.org/wiki/Remaja> (diakses pada 23 Oktober 2011)

Wikipedia, 2010. Domain Specificity and Metaphorical Code-Switching.
http://en.wikipedia.org/wiki/Domain_specificity_metaphorical...
(diakses pada 16 Oktober 2010)

[www.encylo.co.uk/define/metaphorical code-switching](http://www.encylo.co.uk/define/metaphorical_code-switching). "Metaphorical Code-Switching" diakses pada 28.8.2014.